

# BAHASA MELAYU

## Karangan Sajak Baharu

Rencana ini ditulis oleh Wān Ibrāhīm Ya‘qūb dari Patani menganjurkan suatu cara mengarang sajak baharu yang dipadankannya dari persuratan Siam, dengan tidak melupai meminta fikiran ahli-ahli persuratan Melayu di Tanah Melayu.-P.Q.

Sidang pembaca dan ahli-ahli bahasa memang maklum bahawa pada zaman dunia mengejar kemajuan ini ahli-ahli bahasa Melayu kita masing-masing berusaha dengan giatnya memperluaskan persuratan Melayu-ialah supaya bahasa Melayu dapat berdiri sama tinggi-dan duduk sama rendah dengan bahasa-bahasa asing. Inshā Allāh! dengan perkhidmatan ahli-ahli bahasa demikian mungkin bahasa Melayu kita akan menjadi suatu bahasa yang terbilang di muka bumi ini dengan cepatnya. Maka saya seorang daripada orang Melayu yang bukan ahli bahasa. Tetapi suka hendak melihat akan bahasa sendiri berkedudukan separas dengan lain-lain bahasa yang telah maju. Oleh demikian biarpun saya lemah dalam ilmu bahasa, terpaksa saya menulis sedikit kerana hendak berkhidmat kepada bahasa yang menjadi pujaan saya ini.

Sebagaimana telah maklum bahawa dalam persuratan Melayu, selain daripada syair, pantun, seloka dan gurindam, maka ada pula satu jenis sajak baharu yang direka oleh ahli bahasa Melayu angkatan muda- iaitu mereka meniru akan sajak barat dari karangan sajak pujangga “Shakespeare”, dan sajak ini telah pun terpakai dalam persuratan Melayu sekarang. Maka saya berdoa kepada Tuhan rabb al-‘ālamīn mudah-mudahan sajak ini akan bertambah

elok dan rapi lagi gaya lenggang lenggoknya.

Dalam hal ini maka tertarik pula hati saya kepada gaya karangan sajak dalam bahasa Siam yang telah saya baca di dalam bukunya. Sebab yang tertarik hati saya itu ialah kerana gaya karangan sajak Siam ini hampir benar dengan gaya lenggang lenggok sajak Melayu kita. Dan saya berfikir, sungguhpun bahasa Siam itu tidak begitu tinggi mutunya, akan tetapi tentang menirukan sajaknya ini tidak membawa kerosakan apa-apa pun kepada bahasa Melayu kita, bahkan menjadi sebagai menambahkan lagi satu kemajuan kepada persuratan Melayu kita. Tambahan pula tiru meniru itu memang tabiat dunia. Oleh demikian inilah maka saya cuba menulis akan kaedah mengarang dan contoh-contoh sajaknya, untuk menjadi pertilikan ramai. Bahkan jika sekiranya sidang pembaca bersetuju buatlah tauladan. Mudah-mudahan bahasa Melayu akan bergerak maju ke hadapan selangkah lagi. Tetapi jika tak bersetuju buatlah sempadan.

### Kaedah Mengarang

Kaedah mengarang sajaknya begini: Apabila hendak mengarang sajak ini maka di tengah-tengah ayat yang dikarang itu hendaklah ada dua patah perkataan yang bersajak (perkataan-

yang bertentangan bunyi pada akhirnya) juga perkataan-perkataan yang di akhir ayat itu hendaklah bersajak pula dengan perkataan-perkataan yang di tengah-tengah ayat yang terkemudiannya. Dan pula dalam satu-satu longgokkan-longgokkan ayat itu hendaklah ada empat atau lima patah perkataan sahaja, iaitu seperti contohnya yang di bawah ini:

1            1            2

sajak bertara-cara Siam.

2            2            2

Saya meminjam- semacam meniru.

3            3                    4

Untuk membaharu-mutu Melayu.

4            4            5

Jika bersetuju-sekutu fikiran.

5            5            6

Buatlah tauladan-pelajaran ilmu.

6            6            7

Jika tak bersetuju-sekutu fikiran.

7            7

Buatlah sempadan-sekatan sahaja.

### Keterangan

Tanda-tanda angka yang di atas perkataan itu ialah bagi menunjukkan perkataan yang bersajak, iaitu:

Angka 1. Perkataan “tara” bersajak dengan perkataan “cara”.

Angka 2. Perkataan “Siam” bersajak dengan perkataan “meminjam” dan

Perkataan “meminjam” itu bersajak pula dengan perkataan “semacam”.

Angka 3. perkataan “meniru” bersajak dengan perkataan “membaharu”.

Dan perkataan “membaharu” itu bersajak pula dengan

perkataan “mutu”.

Angka 4. perkataan “Melayu” bersajak dengan perkataan “bersetuju”.

Dan perkataan “bersetuju itu bersajak pula dengan perkataan “sekutu”.

Angka 5. perkataan “fikiran” ” bersajak dengan perkataan “tauladan”.

Dan perkataan “tauladan” itu bersajak pula dengan perkataan “pelajaran”.

Angka 6. perkataan “ilmu” ” bersajak dengan perkataan “bersetuju”.

Dan perkataan “bersetuju” itu bersajak pula dengan perkataan “sekutu”.

Angka 7. perkataan “fikiran” ” bersajak dengan perkataan “sempadan”.

Dan perkataan “sempadan” itu bersajak pula dengan perkataan “sekatan”.

Begitulah sajaknya bersambung-sambung dari satu perkataan melampau kepada satu perkataan yang lain. Dari satu ayat melampau kepada ayat yang lain. Dan selain daripada ini perlu pula diingat bahawa sajak Siam ini adalah berlainan sedikit dengan syair Melayu. Kerana sajak Siam ini tak ada rangkap kata seperti syair Melayu. Iaitu sajaknya boleh disambung-sambung kepada beberapa longgok ayat pun- tidak akan menjadi apa-apa tegahannya. Dan pula ia, tidak bersajak di akhir ayat seperti sajak Melayu- hanya ia bersajak di tengah-tengah ayatnya sahaja. Cubalah perhati lagi akan contohnya yang di bawah ini:

1            1            2

Sajak dikarang-menerang hajat.

2            2            3

Kepada sahabat- dekat dan jauh

3            3            4

Buat menyuluh-seluruh perkara.

4 4 5  
 Ayuh saudara-segeralah tahu.

5 5 6  
 Hatiku pilu tidak terhingga

6 6 7  
 Alami derita-tanda sengsara.

7 7 8  
 Bangsaku di penjara-dikosa penjajah.

8 8 9  
 Seperti gajah sudah terpasung.

9 9 10  
 Hak terpotong-terhuyung hayang.

10 10 11  
 Tiada lapang-membentang bakti

11 11  
 Untuk pertiwi-bumi ku sayang

1 1 2  
 Ayuhai saudara-maralah segera.

2 2 3  
 Membela negara-pusaka moyang.

3 3 4  
 Janganlah sayang-merancang tenaga

4 4  
 Asal bangsa-nusa selamat.....

Barang diingat bahawa tanda-tanda angka yang di atas perkataan-perkataan itu sengaja saya bubuh untuk menandakan sajaknya sahaja -iaitu supaya sidang pembaca dapat tahu akan tempat yang bersajaknya.

Sekianlah sahaja saya berharap supaya sidang pembaca, terutamanya ahli-ahli bahasa cuba memikirkan-bolehhkah sajak ini dipakai dalam persuratan Melayu? Haraplah mendapat sedikit fikiran.

(sambungan daripada muka 29)

yang berjuta di Mesir dan di negeri-negeri Arab, berjuang dengan kuat dan teratur bagi membangunkan semula Islam, dan yang jadi pelopor gerakan menuju blok Islam dikalangan dunia Arab.

Orang-orang Barat, surat-surat khabar Barat dan kawat-kawat berita Barat selalu mengecap gerakan Islam itu sebagai “fanatik” (taksab), pada hal Ikhwān al-Muslimīn di Mesir umpamanya disokong oleh bahagian terbesar pelajar-pelajar Universiti, ini menunjukkan seruan Islam diterima oleh semua orang bila diterang dan dihuraikan dengan jelas, benar dan cara yang teratur.

Peristiwa Iran berkenaan telaga minyaknya dan kejadian-kejadian di Mesir pada dua tahun yang lalu adalah menarik perhatian. Kejadian-kejadian itu menambahkan kepercayaan umat Mesir kepada diri sendiri, dan menjadikan dunia Islam bertambah menaruh harapan. Jeneral “Najīb” pahlawan yang telah menurunkan Farouk dari takhta. Adalah menuju kepada membersihkan negeri dari golongan-golongan penghisap darah rakyat, dan menuju kepada memperkuat Mesir dalam pembangunannya. Dalam zaman yang baharu ini gerakan Islam bertambah kencang, dan tuntutan supaya Mesir membentuk perlembagaan Islam sangat besar.

Berbagai-bagai kejadian dalam beberapa negeri Islam itu dengan sendirinya memberi semangat kepada negeri-negeri lain, sebab itu kita lihat sekarang kebangkitan Tunis menuntut pemerintahan sendiri. Demikian juga Morocco.

Demikianlah aliran kebangkitan itu membanjiri dunia Islam terus menerus. Negeri-negeri yang belum bebas memperhebat perjuangannya dan negara-negara yang sudah merdeka memperhebat barisannya bersama negara-negara Islam lain, kedua-dua pihak itu menuju haluan yang satu: meninggikan dunia Islam di tengah-tengah gelanggang dunia sebagai badan yang satu yang mempunyai kekuatan yang tersendiri sebagai suatu blok.

-dari “Pembangun”.